

GARISPANDU BAGI PUSAT-PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS SEMASA FASA AWAL ENDEMIK

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah bagi pusat-pusat kegiatan warga emas dibenarkan untuk menjalankan aktiviti semasa Fasa Awal Endemik dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan.

Langkah-Langkah Kawalan COVID-19 Semasa Fasa Endemik

- **Penggunaan Aplikasi *BruHealth***
 - Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan Kod QR *BruHealth*.
 - Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis telah mengimbas Aplikasi *Bruhealth* sebaik sahaja memasuki premis berkenaan (termasuk semua pekerja / kakitangan / sukarelawan).
 - Pemilik premis hendaklah memastikan hanya individu yang mempunyai Kod *BruHealth* Hijau dan Kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.
- **Vaksin Lengkap:**
 - Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja/kakitangan/sukarelawan yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.
- **Pemakaian Serukup Muka:**
 - Semua individu yang berumur 2 tahun atau lebih, hendaklah memakai penutup hidung dan mulut anda di tempat awam tertutup, di dalam pengangkutan awam, dalam persekitaran luar yang sesak, dan untuk aktiviti dengan hubungan rapat dengan orang lain yang tidak diberi vaksin penuh.
 - Serukup muka boleh ditanggalkan apabila:
 - Berada di dalam bilik hotel atau penginapan dengan ahli isi rumah;
 - Berada di dalam ruang kerja individu tertutup;
 - Melakukan aktiviti lasak semasa bersukan dan aktiviti rekreasi;
 - Berada di dalam kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah;
 - Berada di satu kawasan atau tempat awam (luar dan dalam) tanpa mana-mana individu lain; dan
 - Makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain (selain di restoran atau premis makanan).
- **Kebersihan tangan dan etika batuk dan bersin:**
 - Jika individu berada di tempat awam, atau selepas menghembus hidung, batuk, atau bersin, dinasihatkan untuk kerap mencuci tangan dengan sabun dan air, tetapi jika tidak ada tersedia, gunakan pembersih tangan yang mengandungi sekurang-kurangnya 60% alkohol. Tutup semua permukaan tangan dan gosokkannya sehingga kering.

- **Penjarakan Sosial:**
 - Langkah-langkah menjauhkan fizikal yang telah ditetapkan: sekurang-kurangnya 1.5 meter antara individu jika boleh.
- **Pengudaraan Premis:**
 - Pemilik premis dalaman hendaklah memastikan premis mempunyai pengudaraan yang mencukupi.
- **Pemantauan Kesihatan Diri dan ujian ART:**
 - Individu dinasihatkan untuk memantau kesihatan setiap hari untuk simptom.
 - Individu yang diberi vaksin disyorkan untuk menjalani ujian ART sebagai rutin setiap 2 minggu sekali. Dan ujian hendaklah dijalankan di rumah kediaman masing-masing sebelum memasuki pusat atau menghadiri perhimpunan di pusat berkenaan.

Individu yang mempunyai vaksin secara penuh

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin penuh jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan BDMCA. Status vaksinasi dalam buku BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.

Bukti Ujian ART yang negatif

Keputusan negatif bagi ujian ART hendaklah dipamerkan sebagai bukti sebelum memasuki pusat-pusat berkenaan samada oleh individu yang tidak divaksin atau belum bervaksin secara penuh. Bukti ini mestilah dalam bentuk ART yang dijalankan dibawah perhatian pihak berkuasa di Kementerian Kesihatan atau pemilik pusat-pusat berkenaan atau boleh juga dalam bentuk sijil yang dikeluarkan oleh tapak ART Terselia yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Sijil ini akan dikeluarkan dengan tempoh sah luput dalam sehari. Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun, apabila bersama dengan orang dewasa yang mempunyai vaksin penuh akan diberikan pengecualian yang sama sepertimana yang dikenakan kepada individu-individu yang mempunyai vaksin secara penuh semasa fasa endemik sahaja.

Langkah-langkah untuk mengadakan aktiviti di Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas

Kapasiti Selamat

- Kapasiti di pusat-pusat warga emas yang dibenarkan ialah pada kadar 75% dari kapasiti penuh premis/tempat atau 300 individu (mana yang terendah) pada satu

masa. Kapasiti hendaklah mengikut Langkah-Langkah Pengawalan COVID19. Kapasiti ini termasuklah penganjur dan kakitangan.

Aktiviti

- **Semua individu dibenarkan memasuki pusat-pusat berkenaan. Walau bagaimanapun, individu yang tidak bervaksin penuh mestilah menunjukkan bukti keputusan ART negatif;**
- Langkah-Langkah Pengawalan COVID19 hendaklah dijalankan;
- Penggunaan Aplikasi *BruHealth* adalah dimestikan;
- Individu yang mempunyai gejala tidak dibenarkan hadir;
- Semua dikehendaki untuk memakai sungkup muka;
- Penjarakan fizikal dikehendaki;
- Kakitangan/Pekerja digalakkan untuk menjalani ujian ART sekali setiap 2 minggu

Sanitasi dan Kebersihan

- Pusat-pusat hendaklah melantik kakitangan untuk melaksanakan pembersihan dan pengemasan yang lebih kerap setiap hari. Gunakan cecair disinfeksi secara kerap kepada kawasan yang kerap disentuh seperti pegangan tangan, permukaan lif dan butang, tombol/pemegang pintu, peti surat, papan kenyataan, paparan digital, panel skrin sentuh serta meja dan kerusi;
- Sediakan cecair disinfeksi tangan di tempat orang kerap berlalu lintas;
- Pastikan tong sampah ditutup pada setiap masa dan dibersihkan setiap hari. Ikat beg plastik sampah dengan betul sebelum dibuang di pusat tong;
- Bersihkan segera sebarang tumpahan sampah;
- Basuh dan nyah kuman semua tong sampah, ruang tong dan pusat tong sampah jika perlu;
- Libatkan kontraktor pembuangan sampah berlesen untuk pembuangan sampah setiap hari; dan
- Untuk mendisinfeksi kawasan, kakitangan kebersihan diharapkan untuk:
 - Merendam kain pembersih dalam peluntur isi rumah pada kepekatan yang betul mengikut arahan pembekal dan basuh kain selepas digunakan atau sebelum digunakan semula; dan
 - Membersihkan dan mendisinfek semua peralatan pembersihan serta-merta selepas digunakan.